

DITERIMA
22 MAR 2017
U.R.D
M.B.P.J.

BABY hatch dilengkapi CCTV dan pendingin hawa untuk keselesaan serta keselamatan bayi.

BABY HATCH PELINDUNG BAYI

Divided by
ELVA IMPRESSIONS SON BHD

BAYI yang diletakkan di dalam baby hatch tidak boleh diambil orang lain selepas pintu ditutup.

Harian metro
22/3/17
mls 5

PLEASE PUT THE FORM HERE

22-03-2017

setempat

5

Antara kes dikendalikan Pusat Perlindungan Orphan Care

KES 1

Bimbang keluarga tidak menerima bayi yang dilahirkan, seorang kakitangan swasta dikenali sebagai Ain (bukan nama sebenar) berusia 20-an nekad untuk menyerahkan anak kandungnya kepada Orphan Care sebagai anak angkat.

Bagaimanapun, Ain yang mengesyaki ibunya menyedari kelahiran bayi berkenaan membuat keputusan untuk memberitahu ahli keluarganya selepas dinasihati sukarelawan yayasan berkenaan.

Dia yang mengandung anak tidak sah taraf terpaksa menceritakan keadaan sebenar dan keluarga menerima kelahiran bayi berkenaan menyebabkan dia mengubah fikiran dan mahu menjaga sendiri bayi lelakinya itu.

KES 2

Kerana terlalu sayangkan anak kandungnya, seorang pelajar sekolah menengah tetap bertegas dengan keputusan untuk menjaga bayi lelakinya walaupun ditentang ahli keluarga.

pelajar pada masa yang sama.

Kini, Nissa menyambung pelajarannya di sebuah sekolah menengah di Johor Bahru, manakala ahli keluarganya membantu menjaga anaknya ketika dia pergi ke sekolah.

KES 3

Seorang wanita membuat keputusan mengambil semula anaknya dalam tempoh kurang 24 jam selepas meletakkan anaknya di Yayasan Orphan Care, Petaling Jaya kerana terlalu sayangkan bayi perempunannya itu.

Dia yang dikenali sebagai Wati (bukan nama sebenar), 20-an menghantar anaknya berusia dua minggu ke yayasan berkenaan kerana mahu merahsiakan berhubung kelahiran bayi itu daripada bakal suaminya.

Wati yang bakal berkahwin bimbang bakal suami tidak dapat menerima anak tidak sah taraf itu hasil hubungannya dengan lelaki lain menyebabkan dia membuat keputusan

Asal bayi boleh hidup!

■ Ragam tidak berperikemanusiaan tinggalkan anak terbuang

Petaling Jaya

Tiada kata yang dapat menggambarkan perasaan Anis Nor Tajul Arus apabila melihat keadaan bayi yang diletakkan dalam kantung penyelamat atau 'baby hatch' di bawah seliaan Pusat Perlindungan Orphan Care.

Anis yang bertugas sebagai pengurus komunikasi pertubuhan berkenaan melihat banyak bayi ditinggalkan di situ sejak penubuhan baby hatch pada 2009.

"Ada yang dibalut dengan plastik hitam sampah, diletakkan begitu saja dalam peti berkenaan dan ada bayi yang hampir lemas kerana tidak dibersihkan.

"Lebih menyedihkan, ada bayi masih berdarah, menyebabkan si kecil menangis sehinggalah petugas kami datang mengambil," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui di Ibu Pejabat Yayasan Orphan Care di Kampung Tunku, di sini.

Menurutnya, terdapat juga kes bayi baru dilahirkan di balut kain sebelum diletakkan dalam peti berkenaan, tetapi balutan itu tidak betul hingga hampir melemaskan bayi.

PROSEDUR

Pintu besi dibuka untuk meletakkan anak dalam 'baby hatch'

Sebaik pintu besi ditutup ia tidak boleh dibuka dan hanya boleh diakses pihak rumah perlindungan

'Baby hatch' lengkap alat pendingin hawa, tilam, bantal dan penggeranya akan berbunyi sekiranya terdapat bayi

Bayi akan dihantar ke hospital untuk pemeriksaan kesihatan sebelum dibawa ke balai polis untuk laporan

"Pernah ada kes, bayi yang diletakkan menangis dengan kuat hingga mengejutkan pegawai kami yang bertugas dan apabila diperiksa bayi berkenaan sebenarnya hampir lemas," katanya.

Beliau berkata, setiap kali bayi diletakkan di peti 'baby hatch', sistem penggera khas akan berbunyi dan petugas pertubuhan akan memeriksa dan mengambil bayi itu untuk tindakan lanjut termasuk dibawa ke hospital untuk pemeriksaan kesihatan sebelum la-



ANIS

poran polis dibuat.

"Kebanyakan bayi yang diletakkan di sini adalah bayi baru lahir hingga berusia seminggu," katanya.

Anis berkata, ada juga bayi yang diletakkan bersama dengan barang kelengkapan bayi serta dokumen termasuk sijil lahir yang memudahkan tugas pertubuhan melakukan proses pengambilan anak angkat.

"Terdapat borang disediakan di depan peti baby hatch bagi membolehkan mereka yang meletakkan bayi di situ mengisi maklumat penting contohnya agama dan bangsa bayi."

"Namun dalam kebanyakan kes, mereka yang meletakkan bayi di situ tidak mengisi borang berkenaan mungkin kerana takut dikeksan," katanya.

Menurutnya, sebanyak

288 kes diterima pihaknya di seluruh negara dari 2009 hingga Februari tahun ini.

"Jumlah itu merangkumi tiga kategori kes iaitu bayi yang diberikan secara sukarela, bayi diletakkan di dalam 'baby hatch' dan perempuan mengandung anak tak sah taraf yang diberi kaunseling," katanya.

Anis berkata, daripada jumlah berkenaan 160 kes bayi diberikan secara sukarela, 95 kes bayi dijaja semula ibu kandung selepas sesi kaunseling dan 33 kes bayi diletakkan dalam 'baby hatch'.

"Apa yang dilakukan pertubuhan kami adalah untuk menyelamatkan bayi yang tidak berdosa daripada dibuang begitu saja.

"Meletakkan bayi di dalam 'baby hatch' bukanlah satu kesalahan jenayah, malah tindakan itu akan menyelamatkannya daripada ancaman haiwan liar sekiranya dibuang ke kawasan lain," katanya.

Beliau juga menjelaskan kewujudan 'baby hatch' bukan untuk menggalakkan penzinaan atau mengandung anak tidak sah taraf, tetapi lebih kepada saluran untuk membantu mereka yang tersilap langkah dan tidak berterusan melakukan dosa dengan membuang bayi di tempat tidak sepatutnya.

ditentang ahli keluarga

Dia yang dikenali sebagai Nissa (bukan nama sebenar) berusia 15 tahun dimasukkan ke pusat perlindungan selama dua bulan ketika sedang sarat mengandung tujuh bulan.

Sepanjang tempoh menetap di pusat perlindungan, Nissa berbincang dengan ahli keluarga berhubung keputusannya untuk menjaga anaknya.

Namun, keputusan itu ditentang mereka kerana dia masih perlu meneruskan pembelajaran.

Bagaimanapun, kesungguhan Nissa memujuk ahli keluarganya supaya menjaga anaknya berjaya selepas meyakinkan mereka mampu untuk memainkan peranan sebagai ibu dan

keputusan menghantar anaknya ke yayasan itu.

Bagaimanapun, perasaan terlalu sayangkan anaknya mengatasi segalanya apabila dia mengambil semula anaknya itu.

Malah, sepanjang malam pada hari berkenaan, dia tidak boleh tidur lena kerana terlalu memikirkan mengenai anaknya yang dihantar ke yayasan terba bit manakala bayinya pula menangis sepanjang malam di yayasan berkenaan.

Perasaan itu menyebabkan dia berterus terang dengan bakal suami dan kehadiran bayi itu diterima menyebabkan dia mengambil semula bayi perempuannya keesokan harinya.

LOKASI BABY HATCH DI SELURUH NEGARA

- 1) Pusat Perlindungan Orphan Care Petaling Jaya, Selangor
- 2) Pusat Perlindungan Orphan Care Johor Bahru, Johor
- 3) Pusat Perlindungan Orphan Care Sungai Petani, Kedah
- 4) Hospital Pakar KPJ Damansara
- 5) Hospital Pakar KPJ Ipoh
- 6) Hospital Pakar KPJ Johor
- 7) Hospital Pakar KPJ Tawakal
- 8) Hospital Pakar KPJ Seremban
- 9) Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang
- 10) Hospital Pakar KPJ Perdana
- 11) Hospital Pakar KPJ Kuantan
- 12) Hospital Pakar KPJ Kuching
- 13) Hospital Pakar KPJ Kota Kinabalu